

**SUALO BATU**  
Pacific Swallow

FAMILI: Hirundinidae  
NAMA SAINTIFIK: *Hirundo tahitica*



**CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Sualo Api *H. rustica*, tetapi warna kuning langsung pada bahagian hadapan kepala adalah lebih terang manakala bahagian atas dada berwarna merah ke kuning langsung sementara bahagian dada dan sisi badan berwarna coklat kekelabuan. Bahagian tengah ke bahagian bawah ekor berwarna coklat pekat manakala bahagian bawah sayap berwarna coklat. Individu ini mempunyai bahagian ekor yang kurang bercabang. Individu juvenil mempunyai warna yang lebih coklat berbanding individu dewasa di mana warna kuning langsung pada bahagian hadapan kepala, dada dan rengkong adalah kurang.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 13.0 sm-14.0 sm.

**MAKANAN**

Serangga.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan persisiran hutan dan kawasan terbuka, pada ketinggian sehingga 2,010 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi yang pendek dengan nota yang tinggi *swi* atau *tswi*. Kadangkala ia mengeluarkan siri bunyi *tswi-tswi-tswi* dan juga bunyi *swoo* yang perlahan.

**PEMBIAKAN**

Spesies ini membiak pada bulan Januari hingga Ogos di mana sarang dibina dengan menggunakan lumpur sebagai pelekat pada bahagian batu atau di kawasan bangunan. Sejumlah 3-4 biji telur di mana terdapat tompok-tompok berwarna coklat kemerahan dan coklat keunguan, berukuran kira-kira 17.5 X 12.7 mm.



**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.